

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**REKTOR KUKUM**  
**DI MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYMM PEMANGKU RAJA PERLIS**  
**BERSEMPENA DENGAN MEMPERKENALKAN KETUA JABATAN KUKUM DI**  
**KELAB GOLF PUTRA, SG. BATU PAHAT PADA 26 JANUARI 2006.**

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis, Canselor KUKUM Dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun tuanku, sembah patik mohon diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan duli tuanku berdua mencemar duli berangkat ke majlis santapan pada malam ini.

Limau purut jatuh ke lembah

Tiba di lembah tumbuhlah duri

Pinang mengadap sirih menyembah

Jari sepuluh menjunjung duli

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman Shafie, Speaker Dun Negeri Perlis Dan Yang Berbahagia Isteri

Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Osman Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Dan Yang Berbahagia Isteri

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK) Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan ) Dan Isteri

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi) Dan Isteri

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif Kehormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri Perlis Dan Persekutuan

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM Dan Seterusnya

Hadirin tetamu yang dihormati sekalian.

Syukur ke hadrat Allah subbhanahu wa taala kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita bersama-sama berkumpul di malam yang penuh bermakna ini. Sesungguhnya pada malam yang mulia ini kita berkumpul bagi memperkenalkan ketua-ketua jabatan baru di KUKUM dan ketua-ketua jabatan lama kepada Duli Yang

Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor KUKUM dan kepada para tetamu kehormat.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan tetamu serta dif-dif kehormat yang telah sudi hadir ke majlis santapan malam ini bagi memeriahkan lagi majlis kami pada malam ini.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa majlis santapan malam bersama dymm tuanku canselor kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tanpa disedari sudah hampir empat tahun KUKUM bertapak di sini, dan sudah pelbagai onak dan duri telah kita harungi bersama. Syukur alhamdulillah kerana segala ujian dan dugaan dari Allah Subhana wa Taala telah mematangkan kita dalam mengatur perjalanan. Bukan mudah organisasi sebesar KUKUM ini ditadbir kalau bukan kerana pemuafakatan, iltizam, komitmen serta dedikasi warganya. Dalam mentadbir sebuah universiti, pernah saya suarakan bahawa saya ini diibarat nakhoda kapal. Tidak akan belayar jauh jika tiada sokongan dari tuan-tuan dan puan-puan selaku anak kapal. Hubungan ini bagaikan tidak dapat dipisah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

KUKUM kini mempunyai 36 buah jabatan dan unit yang akan menjana kearah kecemerlangannya sebagai sebuah institut pengajian tinggi awan yang disegani dalam usaha melahirkan jurutera yang berkemahiran tinggi. Dengan kewujudan 36 buah

jabatan dan unit ini, terdapat 36 orang ketua jabatan yang akan memikul tanggungjawab yang besar lagi berat. Harapan saya, ketua jabatan perlu memainkan peranan sebagai pemangkin dalam usaha ke arah mencapai misi KUKUM. Sehubungan dengan itu, ketua jabatan perlu menjalin satu bentuk rangkaian kerja yang mantap dengan seluruh warga kerja KUKUM supaya usaha membangunkan KUKUM yang cemerlang dapat direalisasikan.

Kita ini umpama seekor lebah; makan dari makanan yang baik dan menghasilkan madu yang baik. Dan bila hinggap pada setangkai bunga, ia tidak akan merosakkannya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam usaha KUKUM mencapai misinya, KUKUM didokong oleh pekerja seramai 730 orang yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan. Angka ini akan bertambah dari masa ke semasa. Hasil kerja serta sumbangan mereka bukan sahaja memberangsangkan malah telah memberikan impak yang besar kepada pembangunan universiti ini.

Disinilah peri pentingnya warga kerja KUKUM mempunyai semangat yang kental. Malah bekerja dalam satu kumpulan untuk “bersama membangunkan sebuah universiti”. Bagi saya, semangat adalah pusat penggerak yang membentuk keperibadian. Semangat adalah bahan bakar jiwa dan kekuatan yang berkobar-kobar, yang akan menggerakkan pemiliknya untuk melompat cukup tinggi memburu misi kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam memburu misi kita, KUKUM telah memperkenalkan dua pusat pengajian baru iaitu pusat pengajian kejuruteraan alam sekitar dan pusat pengajian kejuruteraan bioproses. Bagi pusat pengajian alam sekitar program yang ditawarkan adalah sarjana muda kejuruteraan alam sekitar. Manakala bagi pusat pengajian bioproses pula, program yang ditawarkan adalah sarjana muda kejuruteraan bioproses.

Di samping itu, program baru iaitu sarjana muda elektronik bioperubatan telah diperkenalkan dan diletakkan di bawah pusat pengajian mekatronik. Ini menjadikan jumlah terkini pusat pengajian yang terdapat di KUKUM ialah sebanyak 8 buah pusat pengajian dan terdapat 15 program yang ditawarkan. Ingin saya tekankan disini kewujudan dua buah pusat pengajian baru ini adalah hasil usaha dan kerja yang padu dari semua warga kerja KUKUM yang tidak berbelah bahagi.

Selain itu, KUKUM akan menawarkan enam program peringkat diploma mulai sidang akademik 2006/07 yang akan bermula pada bulan julai, 2006 seperti mana yang diarahkan oleh kementerian pengajian tinggi, malaysia. Antara program-program peringkat diploma yang dicadangkan adalah diploma kejuruteraan mikroelektronik, diploma kejuruteraan komputer, diploma kejuruteraan pembuatan, diploma kejuruteraan metalurgi, diploma kejuruteraan elektrik dan diploma kejuruteraanmikatronik.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pertambahan dalam bilangan pusat pengajian telah membawa kepada pertambahan pelajar-pelajar KUKUM. Jumlah terkini pelajar KUKUM adalah lebih daripada 2000 orang pelajar. Bagi pengambilan pelajar baru tahun 2006/07 pada bulan julai ini adalah seramai 1600 orang pelajar. Oleh itu jumlah keseluruhan pelajar KUKUM adalah 3500 orang pelajar. Dengan pertambahan ini, saya amat berharap tuan-tuan

dan puan-puan semua dapat meneruskan kesinambungan bekerja dalam memartabatkan nama universiti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam memartabatkan nama universiti ini, aspek kualiti seharusnya mendasari segala perbuatan dan gerak-geri warga kerja KUKUM iaitu menghayati kecemerlangan dengan membudayakan kualiti. Sekiranya warga kerja KUKUM menghayati dan mengamalkan nilai ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan di samping nilai-nilai murni yang lain, tidak sangsi lagi KUKUM bakal menjadi universiti yang bertaraf dunia, malah mampu melampaui piawai, standard atau kualiti yang ditetapkan oleh universiti yang terbaik di dunia.

Usaha ke arah menjadikan universiti yang bertaraf dunia, KUKUM telah memulakan agenda pengantarabangsaan yang mana dengan adanya staf dan mahasiswa antarabangsa dalam kalangan kita, minda kita yang mungkin sempit akan dibuka dengan seluas-luasnya. Kita berpeluang belajar daripada orang-orang yang mempunyai pengalaman yang jauh lebih berbeza daripada apa yang kita telah lalui dan pastinya banyak idea baru bakal tercetus.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Visi kita ialah menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara. Seiring dengan itu, KUKUM telah menandatangani mou dengan beberapa buah universiti baik di peringkat tempatan mahupun luar negara. Hubungan kerjasama ini diwujudkan bagi membolehkan pertukaran idea, penyelidikan dan pembangunan dapat dijalankan bersama untuk meningkatkan kualiti pendidikan itu sendiri.

Antara universiti yang baru menandatangani mou dengan KUKUM adalah universiti trisakti, jakarta dan institut pertanian bogor, bogor. KUKUM juga kini sedang giat dalam merangka untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti yamanashi, jepun, universiti sumatera utara, medan, institut teknologi bandung, *University College Cork*, Ireland Dan Universiti Pajajaran, Bandung di mana baru-baru ini Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah dianugerahkan Ijazah Dr. Kehormat daripada universiti tersebut yang mana turut menunjukkan minat yang sama.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya dengan penuh keikhlasan sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada seluruh tetamu yang sudi hadir ke majlis ini. Akhir sekali, renungkanlah sejenak nukilan puisi yang indah ditujukan khas kepada ketua-ketua jabatan KUKUM yang dikarang oleh Kalidasa, seorang aktor drama india yang sangat terkenal;

selamat datang pagi.  
Lihatlah pada siang ini.  
Kerana itulah kehidupan, hidupnya kehidupan.  
Pada masa singkat itulah  
Kau menemui berbagai hakikat keberadaanmu.  
Itulah saat meraih nikmat  
Saat meraih cahaya kemenangan.  
Kerana kelmarin hanya tinggal mimpi  
Sedang esok hanyalah fantasi.  
Tetapi yang sedang kau jalani sekarang ini  
Akan menjadi kelmarin  
Sebuah mimpi yang indah  
Dan esok adalah kewujudan harapan.  
Berbuat baiklah!  
Lihatlah sesuatu yang pada hari ini.  
Inilah erti penghormatan untuk hari ini.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah menjujung kasih yang tidak terhingga kepada duli tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis santapan ini. Belum terlambat kiranya patik bagi pihak warga kerja KUKUM mengambil kesempatan ini merafak sembah mengucapkan selamat hari keputeraan kepada duli yang maha mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, cancellor KUKUM. Semoga allah lanjutkan usia tuanku, dirgahayu tuanku.

Tiga puluh hari bulan rejangnya ulat

Perian baik diturunkan rahmat

Tuanku kedua sama berdaulat

Kekal perkasihannya hingga kiamat

Patik sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.